



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 17/ 1976**

*Merizabkan Tanah Di Dalam kawasan Penempatan
Beramai-ramai (Group Settlement Area)
Untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan*

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai kuasa merizabkan tanah di dalam kawasan penempatan beramai-ramai untuk digunakan oleh Kerajaan Persekutuan.

2. Bahawa adalah terdapat beberapa kawasan tanah di dalam kawasan penempatan beramai-ramai telah diberi milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan oleh kerana tanah-tanah itu diperlukan untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan. Tindakan seperti itu oleh pihak yang berkuasa adalah bercanggah dengan peruntukan-peruntukan seksyen 10 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai), 1960 yang menyatakan iaitu pemberian milik sesuatu 'rural holding' atau 'urban holding' hanyalah boleh dibuat masing-masing menurut peruntukan-peruntukan di dalam undang-undang tersebut iaitu peruntukan seksyen 14 dan seksyen 27. Pihak Peguam Negara telah memberi nasihat bahawa pemberian milik menurut peruntukan seksyen-seksyen tersebut hanyalah untuk tujuan yang ditetapkan oleh undang-undang tersebut sahaja dan tidak untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan. Perkataan-perkataan 'public utility' dalam seksyen 7 (3) adalah ditujukan kepada penggunaan tanah untuk kemudahan-kemudahan awam seperti mengadakan kuasa elektrik, air, gas, kenderaan dan lain-lain dan tidak termasuk penggunaan tanah untuk Kerajaan Persekutuan. Jika Kerajaan Persekutuan berkehendakkan sekeping tanah di dalam kawasan penempatan beramai-ramai untuk kegunaan awam, cara memperolehnya ialah dengan menjadikan tanah itu sebagai tanah rizab menurut peruntukan seksyen 8 undang-undang tersebut.

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan bahawa selepas sesuatu kawasan yang tersebut di bawah ini diisytiharkan menurut salah satu daripada seksyen-seksyen Akta Tanah (Kawasan Penempatan Beramai-ramai), 1960, maka tiap-tiap keping tanah di dalamnya yang dikehendaki untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan mahulah dijadikan rizab menurut seksyen 8:

- (a) Kawasan yang diisytiharkan menurut seksyen 3 (1);
- (b) Kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan penempatan beramai-ramai menurut seksyen 4.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

P.T.TM 252/6 S.K.1

Kuala Lumpur,
Oktober, 1976.